



BULETIN JKSS

BIL 2/2024

MAJLIS IHYA' RAMADAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH ZON TENGAH
30 Mac 2024 | 19 Ramadan 1445H (Sabtu)

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak melalui Unit Integriti dengan kerjasama Kelab Kebajikan & Rekreasi Jabatan Kehakiman Syariah telah menjayakan Majlis Ihya' Ramadan bertempat di Dewan Kompleks Islam Sibul. Program adalah bertujuan untuk menyantuni dan menyampaikan sumbangan berbentuk bakul makanan dan berbuka puasa bersama 15 orang asnaf terpilih daripada Bahagian Sibul. Majlis diselitkan dengan Ceramah Integriti daripada Tuan Idris bin Abdul Kadir, Hakim Syarie Bahagian Sibul. Majlis diserikan dengan Khatam Al-Quran yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Bahagian Sibul, Sarikei, Mukah & Kapit. Majlis telah dihadiri hampir 100 orang yang terdiri daripada penerima sumbangan, kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Zon tengah bersama keluarga. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Amat Arif Datu Haji Awg Suhaili Bin Ledi, Ketua Hakim Syarie Sarawak.



**Penerima-penerima sumbangan yang diraikan dalam Majlis Ihya' Ramadan
Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Zon Tengah 2024**



Yang Amat Arif Datu Haji Awg Suhaili menyampaikan ucapan perasmian.





Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Sarawak mengagih Bunga Telur untuk Majlis Khatam Al-Quran kepada keluarga-keluarga kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Zon Tengah.